

KKM-82/2/6

9 Disember 1992.

Semua Pengarah Program

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri,

Semua Pengarah Institusi.

Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL. 5 TAHUN 1992

Pemberian Maklumat dan Data Kementerian Kesihatan

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengawal pemberian maklumat dan data yang terhasil daripada kegiatan dan aktiviti Kementerian Kesihatan Malaysia. Pekeliling ini tidak ditujukan untuk mengawal pemberian maklumat daripada penerbitan-penerbitan rasmi seperti laporan tahunan tan majallah sesuatu jabatan atau daripada jurnal tempatan serta antarabangsa dimana usaha pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia telah diterbitkan.

2. Latarbelakang

Pada masa sekarang tiada garispanduan mengenai pemberian maklumat dan data Kementerian Kesihatan Malaysia yang belum diterbitkan. Garis panduan itu diperlu supaya maklumat dan data itu diberi hanya kepada mereka yang layak menerimanya dan benar-benar memerlukannya. Tambahan juga interpretasi maklumat dan data itu hendaklah tepat dan tidak memberi gambaran yang salah.

3. Tindakan dan Tanggungjawab

3.1 Cara Permintaan

Semua permintaan mestilah dibuat di atas Borang A seperti yang dilampirkan. Tujuan permohonan, objektif dan cara menganalisa maklumat dan data yang diminta, hendaklah dijelaskan.

3.2 Jenis Maklumat dan Data

Maklumat dan data yang telah diterbitkan boleh diberi kepada mereka yang ditentukan oleh Ketua Jabatan; pemohon mungkin dikehendaki membeli penerbitan itu di mana yang berkaitan. Pemberian maklumat dan data asas yang belum diproses hendaklah mematuhi Surat Pekeliling ini. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertanggungjawab hendaklah memastikan pemohon adalah layak untuk menerima maklumat dan data itu; serta cara penganalisaan adalah sesuai dan betul. Penerbitan yang berhasil daripada penganalisaan itu hendaklah diluluskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia yang berkaitan sebelum diterbitkan. Penghargaan dan rujukan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia mestilah dicantikkan di dalam penerbitan itu.

4. Pertanyaan

Jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini, sila hubungi Ketua, Unit Maklumat dan Dokumentasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. Tarikh Kuatkuasa

Pelaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa daripada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

(DATO' (DR.) ABU SAKAR SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan,
Malaysia.

BORANG A

PERMOHONAN MAKLUMAT DAN DATA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PERHATIAN

- a. Borang ini hendaklah diisikan oleh pemohon untuk setiap jenis maklumat/data yang diminta. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayangkan.
- b. Isi kandungan penerbitan yang terhasil daripada penggunaan maklumat/data yang dipohon, mestilah diluluskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, sebelum diterbitkan.
- c. Gunalah kertas tambahan jika ruang jawapan tidak mencukupi.

UNTUK DIISI OLEH PEMOHON

1. Nama Pemohon:
2. Nama dan alamat pejabat pemohon:
3. Jenis maklumat/data yang dipohon:
4. Tujuan memohon maklumat/data:
5. Objektif memohon maklumat/data:
6. Cara maklumat/data akan dianalisisakan:

Tanda tangan/panggilan

Tarikh